

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **YB Dato' Sri Azalina Othman Said**
[Pengerang]
TARIKH : **11 April 2019**

SOALAN NO.2

YB Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status penubuhan Suruhanjaya Kanak-Kanak yang bebas di Malaysia yang sebelum ini dikatakan sedang dikaji serta "*timeline*" sekiranya Kerajaan benar-benar serius dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya amat serius dalam menubuhkan Suruhanjaya Kanak-Kanak di Malaysia. Pada 5 Julai 2018 yang lepas di Parlimen, YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyatakan kesediaan Kementerian kami untuk meneliti keperluan untuk mewujudkan sebuah Suruhanjaya Kanak-Kanak.

Susulan itu, SUHAKAM telah mengemukakan kertas cadangan pelantikan “Pesuruhjaya Kanak-Kanak (*Children’s Commissioner*)” kepada Kementerian pada 5 November 2018. Bagi tujuan mendapatkan pandangan pemegang taruh (*stakeholders*) terhadap kertas cadangan tersebut, satu sesi libat urus Pelantikan Pesuruhjaya SUHAKAM bagi portfolio kanak-kanak telah diadakan pada 23 November 2018 dengan kehadiran kementerian, jabatan Kerajaan dan NGO-NGO.

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah memulakan proses pengiklanan kepada umum mengenai pengambilan Pesuruhjaya SUHAKAM pada akhir tahun 2018. Individu-individu yang telah mengemukakan pencalonan telah disaring dan kini sedang dimuktamadkan untuk kelulusan YAB Perdana Menteri. BHEUU dijangka akan membuat pengumuman pelantikan pada bila-bila masa pada bulan ini.

Suka saya tekankan bahawa pada masa ini, Kerajaan ingin menumpukan terlebih dahulu kepada pelantikan seorang Pesuruhjaya Kanak-Kanak di bawah struktur sedia ada SUHAKAM. Pesuruhjaya yang akan dilantik ini sekurang-kurangnya boleh meneliti terlebih dahulu gambaran menyeluruh pelaksanaan hak kanak-kanak di Malaysia. Pemerhatian lanjut seterusnya boleh dipertimbangkan untuk penubuhan sebuah Suruhanjaya yang ideal untuk kanak-kanak pada masa hadapan.

SOALAN NO. 2

Pesuruhjaya ini akan bertindak sebagai, dengan izin, *check and balance* dalam mengimbangi pengendalian isu kanak-kanak oleh pihak Kerajaan, NGO dan organisasi tempatan atau antarabangsa.